

# ورتاق فرنشن

# *Warta Penerangan*



DISEMBER 2017





*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas*  
*Daripada*  
**Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri.**



**Terbitan Unit Penerbitan Melayu**  
**Jabatan Penerangan**  
**Jabatan Perdana Menteri**

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Mawardi bin Haji Mohammad  
  
Penyelaras/Penyemak/Reka Letak  
Unit Penerbitan Melayu  
  
Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
pegawai dan kakitangan  
Jabatan Penerangan



**WARTA** Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.

Isi Kandungan	Muka
Jabatan Penerangan sambut Maulidur Rasul	5-6
Amalkan sunnah Rasulullah dalam kehidupan	7
Program Sua Muka pupuk perpaduan masyarakat	8-9
Program Masyarakat Bermaklumat bermanfaat tambah pengetahuan	10-11
Sekitar Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam	12
Eratkan silaturahim melalui masakan	13
Bidang Penyiaran dan Penerangan kukuhkan hubungan Brunei-Singapura	14
Program Sua Muka dekati penduduk Mukim Serasa	15-16
Ak. Haji Ahmad Fadillah Akhbar penerima Queen's Young Leader Award 2018	16-17
Peristiwa penting Jabatan Penerangan	17
Pedoman	17
Antara aktiviti Jabatan Penerangan sepanjang tahun 2017	18-22
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini	23

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

# Jabatan Penerangan sambut Maulidur Rasul

Oleh: Marlinawaty Hussin  
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Disember. - Sambutan Maulidur Rasul terus diadakan oleh pelbagai pihak di negara ini, termasuk Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri juga tidak ketinggalan dalam mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhamamad Sallallahu Alaihi Wasallam bertempat di surau jabatan berkenaan.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin.



**CERAMAH Khas** disampaikan oleh Drs. Haji Ismuhadzi bin Haji Abdullah, penceramah khas dari Pusat Da'wah Islamiah.



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan cenderahati kepada penceramah khas pada majlis tersebut.**

Majis diteruskan dengan Ceramah Maulidur Rasul yang disampaikan oleh penceramah khas dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Drs. Haji Ismuhadzi bin Haji Abdullah.

Beliau dalam ceramahnya antara lain menjelaskan mengenai kepentingan amalan membaca selawat ke atas Rasulullah sama ada sebelum tidur atau selepas solat fardu lima waktu bagi menyemai rasa cinta kita kepada Baginda serta agar kita tidak lalai dan leka daripada mengingati Allah Subhanahu Wata'ala.



**PEGAWAI** dan kakitangan Jabatan Penerangan yang hadir dalam Majlis Sambutan Maulidur Rasul yang diadakan di surau jabatan tersebut.

## *6 Warta Penerangan*

Beliau juga menceritakan bagaimana Rasulullah membentuk para sahabat Baginda dengan membersihkan hati mereka daripada syirik kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan meyakinkan mereka dengan kekuasaan dan kekayaan Allah serta menjauhi amalan yang menyimpang daripada ajaran Al-Quran dan hadis.

Majlis kemudian diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban yang diketuai oleh Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Awang Ali Mashod diikuti dengan bacaan Doa Selamat daripada Pengiran Arsul.



*MAJLIS diserikan dengan Dikir Marhaban.*



# Amalkan sunnah Rasulullah dalam kehidupan

Oleh: Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto: Unit Penerbitan Melayu

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Disember. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun 1439 Hijrah/2017 Masihi di Dewan Bankuet, Bangunan JPM.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Muhd. Azrul Alim bin Haji Zaini dan diteruskan dengan sesi ceramah ‘Rahsia kejayaan para sahabat Nabi dalam didikan Rasulullah sebagai pemimpin adil’ yang disampaikan oleh penceramah dari Pusat

Da’wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Drs. Haji Ismuhamdi bin Haji Abdullah.

Beliau menjelaskan, nikmat besar adalah nikmat iman dan Islam tetapi nikmat yang paling besar adalah Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam kerana tanpa Baginda tidak mungkin kita beriman dan menjadi orang Islam.

Dalam ceramahnya juga menyentuh mengenai sunnah Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang perlu diamalkan dalam kehidupan harian kita.



WARGA Jabatan Penerangan turut hadir dalam majlis tersebut.



PENLIBATAN warga Jabatan Penerangan semasa Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun 1439 Hijrah/2017 Masihi.

# Program Sua Muka pupuk perpaduan masyarakat

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad memberi penerangan dan berinteraksi bersama penduduk kampung dalam Program Sua Muka yang diadakan di Rumah Panjang Tanjung Bungar.**

**T**EMBURONG, Selasa, 12 Disember. - Dalam usaha untuk terus mendekati penduduk kampung di negara ini, Program Sua Muka kali ini diadakan di Rumah Panjang Tanjung Bungar, Mukim Batu Apoi, Daerah Temburong.

Program berkenaan merupakan salah satu aktiviti berterusan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan daerah ini dalam usaha untuk terus menjalin kolaborasi yang lebih erat dalam hal ehwal kemasyarakatan.

Mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan disertai oleh beberapa orang pegawai dan kakitangan daripada jabatan berkenaan.

Rombongan Jabatan Penerangan dialu-alukan oleh Ketua Kampung Tanjung Bungar, Janlita anak Minggan berserta Ahli-ahli Majlis Perundingan

Kampung (MPK) Tanjung Bungar, Mukim Batu Apoi, Daerah Temburong.

Program Sua Muka ini adalah salah satu program di bawah strategi kerja jabatan, iaitu Komunikasi Bersemuka, yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dan rakyat.

Ianya juga sebagai platform untuk menyampaikan dasar dan maksud kerajaan demi memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat, ke arah cintakan agama, bangsa, Raja dan negara, di samping sebagai usaha mendapatkan isu-isu dan pendapat serta cadangan yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan.

Antara yang dikongsikan dari pihak MPMK dan penduduk kampung adalah permasalahan termasuk cadangan yang berkaitan dengan prasarana perumahan, kebijakan, kesejahteraan dan pendidikan.



**KETUA Kampung Tanjung Bungar, Jonlita anak Minggan memberikan penerangan.**



**PENDUDUK Kampung Tanjung Bungar, Mukim Batu Apoi, Temburong yang hadir dalam program tersebut.**

Juga dikongsikan bersama ialah penggunaan bendera, *banner* dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional serta bahan-bahan bacaan mengenai Wawasan Brunei 2035 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013.

Dalam membantu penduduk kampung untuk mengetahui, memahami dan menghayati maklumat-maklumat penting dengan lebih terperinci seperti Wawasan Brunei 2035, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013, keusahawanan dan sebagainya, satu program iaitu Program Masyarakat Bermaklumat juga dikongsikan kepada Ahli MPK.

Oleh kerana itu hubungan baik yang terjalin di antara warga Perkhidmatan Awam dengan masyarakat akan dapat mewujudkan kemakmuran dan keharmonian masyarakat dan negara. Ini sangat penting dalam memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat.

Dengan adanya program sebegini ia akan dapat memupuk semangat kekitaan dan bertanggungjawab terhadap negara serta menyemai hubungan yang erat di antara kerajaan dengan rakyat.



*WAKIL pegawai dari Jabatan Radio Televisyen Brunei turut memberikan penerangan.*

*WAKIL daripada Unit Perhubungan Awam dan Media, Jabatan Penerangan, Awang Rahmat Shukurillah bin Harith mengongsikan mengenai Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan iaitu InfoDeptBN.*



# Program Masyarakat Bermaklumat bermanfaat tambah pengetahuan

Berita dan Foto: Noraisah Haji Muhammed

**K**UALA BELAIT, Sabtu, 9 Disember. - Seramai 87 peserta Ahli-ahli dari Majlis Perundingan Kampung (MPK), Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim (MPM) serta penduduk dari empat buah kampung dalam Mukim Belait menyertai Program Masyarakat Bermaklumat di Dewan Masjid Jamalul Alam, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Penghulu Mukim Liang, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Awang Emzah serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.



*AHLI MMN dan Penghulu Mukim Liang, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin hadir selaku tetamu kehormat.*



*PENGERUSI Majlis, Ketua Cawangan Penerangan Seria semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.*



*BACAAN Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat oleh Imam Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait.*

Antara acaranya ialah taklimat dari Sekretariat Tetap Wawasan 2035, Jabatan Perdana Menteri berkaitan Wawasan Negara 2035 dan Pasukan Polis Diraja Brunei mengenai Isu Penderaan dan Keganasan Rumah Tangga.

Seorang peserta, Awang Sulaiman bin Haji Mohd. Yassin, 56, ketika ditemu bual Pelita Brunei melahirkan program yang diungkayahkan oleh Jabatan Penerangan sangat bermanfaat untuk dikongsikan dan seterusnya menyarankan agar program seumpama itu akan kerap diadakan.

Menurut beliau dari misi yang diterapkan dalam taklimat program dapat membantu mencambah pengetahuan para peserta dan dikongsikan bersama dengan keluarga dan rakan-rakan.

Program tersebut bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan serta usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat seperti melalui taklimat-taklimat serta lawatan-lawatan.

Ia juga diharap dapat mengukuhkan lagi jati diri dan menyuntik semangat dalam terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.

Semasa program itu, para peserta turut berpeluang membuat lawatan ke Mahkamah Syariah di ibu negara.



*ANTARA peserta program yang hadir.*



*SESI bergambar ramai.*

# Sekitar Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam

Oleh: Unit Penerbitan Melayu



**PENGLIBATAN** warga Jabatan Penerangan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun 1439 Hijrah/2017 Masihi di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

# Eratkan silaturahim melalui masakan

Oleh: Unit Penerbitan Melayu  
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi, Abu Bakar Haji Abdul Rahman

**P**ROGRAM Selera Kampung Kitani telah bermula pada 22 Disember 2017 di rumah Penghulu Mukim Sengkurong dan pada 28 Disember 2017 di rumah Ketua Kampung Bengkurong. Kampung seterusnya ialah di rumah Ketua Kampung Jerudong pada hari Rabu, 3 Januari 2018 dan di rumah Ketua Kampung Mumong pada hari Sabtu, 6 Januari 2018.

Program yang dikendalikan oleh Bahagian Pelita Brunei melalui Meja Kandungan Khas akan dilaratkan di keempat-empat daerah dengan menampilkan masakan kampung masing-masing dengan tiga hidangan utama. Dalam program ini, beberapa orang pegawai dan AJK program tersebut berkunjung ke rumah penghulu/ketua kampung untuk membuat sesi penggambaran dan mencatat resepi hidangan. Apa yang menjadi tarikan dalam program ini ialah keunikan resepi masakan kampung masing-masing. Resepi asli yang digunakan menambahkan kelazatan masakan-masakan yang dihidangkan.



*BEBERAPA orang pegawai dan AJK program tersebut berkunjung ke rumah Penghulu Mukim Sengkurong pada 22 Disember 2017 untuk membuat sesi penggambaran dan mencatat resepi hidangan.*



*KUNJUNGAN kedua diadakan di rumah Ketua Kampung Bengkurong pada 28 Disember 2017 untuk membuat sesi penggambaran dan mencatat resepi hidangan.*

# Bidang Penyiaran dan Penerangan kukuhkan hubungan Brunei-Singapura

Oleh: Unit Penerbitan Melayu

Foto: Abdul Karim Hamdan

MESYUARAT Kumpulan Kerja Penerangan Ke-3 semasa Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Mengenai Kerjasama Dalam Bidang Penyiaran dan Penerangan Kali Ke-27 di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura pada 6-8 Disember 2017.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad berserta dua orang pegawai dari Jabatan Penerangan berlepas bagi menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Mengenai Kerjasama Dalam Bidang Penyiaran dan Penerangan Kali Ke-27.



SEMASA Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Mengenai Kerjasama Dalam Bidang Penyiaran dan Penerangan Kali Ke-27.



BERGAMBAR ramai semasa menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Mengenai Kerjasama Dalam Bidang Penyiaran dan Penerangan Kali Ke-27.



ROMBONGAN semasa mengadakan lawatan ke Gardens by the Bay.

# Program Sua Muka dekati penduduk Mukim Serasa

Berita dan Foto: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

**MUKIM SERASA**, Rabu, 13 Disember. - Dalam usaha untuk terus mendekati penduduk kampung di negara ini, Program Sua Muka atau dikenali dengan *Personal Contact* kali ini diadakan di Rumah Penghulu Mukim Serasa, Mejari (B) Awang Haji Johari bin Haji Abd. Razak berserta Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK).

Ini adalah salah satu aktiviti berterusan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dalam usaha untuk terus menjalin kolaborasi yang lebih erat dalam hal ehwal kemasyarakatan.

Rombongan Jabatan Penerangan telah dialu-alukan oleh Penghulu Mukim Serasa serta Ahli MPK. Mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Awang Emzah disertai oleh beberapa pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan.



*PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Awang Emzah menyampaikan cenderahati kepada Penghulu Mukim Serasa, Mejari (B) Awang Haji Johari bin Haji Abd. Razak.*



*PROGRAM Sua Muka kelolaan Jabatan Penerangan yang diadakan di kediaman Penghulu Mukim Serasa, Mejari (B) Awang Haji Johari bin Haji Abd. Razak.*

*PENGHULU Mukim Serasa, Mejari (B) Awang Haji Johari bin Haji Abd. Razak*

Antara yang dikongsikan daripada pihak MPK serta Majlis Perundingan Mukim dan penduduk kampung adalah permasalahan termasuk cadangan yang berkaitan dengan keselamatan, prasarana, kemudahan awam, alam sekitar dan masalah sosial.

Melalui program berkenaan, pihak jabatan memperkenalkan dan membarigakan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan InfoDeptBN dan seterusnya menerangkan tatacara untuk memuat turun aplikasi InfoDeptBN melalui Google Playstore bagi pengguna Android dan App Store bagi pengguna iOS.

Penggunaan bendera, *banner* dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional serta bahan-bahan bacaan mengenai Wawasan Brunei 2035 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 dikongsikan pada program tersebut.

Dalam membantu penduduk kampung untuk mengetahui, memahami dan menghayati maklumat-maklumat penting lebih terperinci seperti Wawasan Brunei 2035, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013, keusahawanan, Program Masyarakat Bermaklumat dan sebagainya juga dikongsikan kepada para ahli MPK.



**PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Awang Emzah bergambar ramai semasa Program Sua Muka di kediaman Penghulu Mukim Serasa, Mejar (B) Awang Haji Johari bin Haji Abd. Razak.**

## Ak. Haji Ahmad Fadillah Akhbar penerima Queen's Young Leader Award 2018

Berita dan Foto: Haji Ariffin Mohamad Noor/Morshidi

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Disember. - Awangku Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin merupakan penerima 2018 Queen's Young Leader dari Negara Brunei Darussalam.

Perkara tersebut didekahkan oleh Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Richard Lindsay kepada wakil-wakil media tempatan di Pejabat Suruhanjaya Tinggi British.

Semasa berucap kepada para media, Tuan Yang Terutama mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan tersebut.

Menurut TYT lagi, penerima dari Negara Brunei Darussalam merupakan salah seorang daripada 160 belia bertuah Komanwel dan juga merupakan salah seorang daripada 14 penerima mewakili Asia.

Sementara itu, penerima 2018 Queen's Young Leaders Awards, Awangku Haji Ahmad Fadillah bersyukur atas pengiktirafan tersebut dan mengongsikan antara kerja-kerja amal yang telah ditubuhkan bersama oleh beliau, iaitu Projek Bina Ukhwah yang telah berjaya membantu keluarga-keluarga kurang berkemampuan dalam membina kehidupan dengan memberikan tempat tinggal yang selamat dan sempurna di Daerah Tutong.

Beliau yang juga merupakan ahli aktif Majlis AIDS Brunei Darussalam sejak lebih 14 tahun yang lalu, turut menganjurkan program meningkatkan keupayaan dan pembangunan ekonomi bagi keluarga-keluarga kurang berkemampuan untuk memulakan perniagaan.

The Queen's Young Leaders Awards Programme merupakan sebuah program yang diwujudkan sebagai penghormatan kehadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, Queen of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland atas perkhidmatan baginda kepada Komanwel.

Program yang telah dilancarkan oleh paduka cucunda baginda Queen, Their Royal Highnesses The Duke of Cambridge dan His Royal Highness Prince Harry pada 9 Julai 2014 merupakan anjuran bersama The Queen Elizabeth Diamond Jubilee Trust dengan kerjasama Comic Relief, The Royal Commonwealth Society dan Institute of Continuing Education, University of Cambridge.

Buat tahun keempat dan terakhir kalinya program tersebut dianugerahkan, para penerima anguerah bakal menerima sokongan dan bimbingan secara individu, pembelajaran secara dalam talian daripada University of Cambridge dan peluang menyertai keunikan Residential Programme di United Kingdom.

Sejak Queens Young Leader Award diperkenalkan, pengiktirafan itu merupakan kali kedua ia dianugerahkan kepada belia dari Negara Brunei Darussalam.



*PESURUHJAYA Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, TYT Richard Lindsay dan 2018 Queen's Young Leaders Awards dari Negara Brunei Darussalam, Awangku Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin.*

## Peristiwa penting Jabatan Penerangan

**P**ELITA Brunei keluaran 13 Disember 1989, penasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, menekankan perlunya pihak-pihak kerajaan dan orang ramai sentiasa bersikap pemedulian terhadap satu sama lain. Sikap pemedulian yang disertai dengan niat yang ikhlas adalah satu cara untuk mengekalkan dan mengukuhkan hubungan rapat lagi muhibah antara kedua belah pihak.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, jelas Yang Berhormat pernah bertitah mengenai sikap pemedulian iaitu supaya para pegawai dan kakitangan kerajaan baginda akan sentiasa memeduli orang ramai.

Yang Berhormat memberi ingatan ini ketika berucap selaku tetamu kehormat Majlis Perjumpaan Muhibah Penerangan di Pusat Persidangan Antarabangsa.

## Pedoman

**“Dan mereka yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak juga bakhil dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka itu adalah sederhana antara kedua-duanya.”**  
- (Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Isra, ayat 27).

# Antara aktiviti Jabatan Penerangan sepanjang tahun 2017

Foto: Jabatan Penerangan



*PROGRAM Sua Muka yang diadakan di beberapa buah kampung.*



*PROGRAM Muzakarah Penerangan menjadi perantaraan dua hala di antara kerajaan dengan rakyat serta penduduk mukim dan kampung di samping dapat meningkatkan komitmen, keprihatinan dan pemedulian pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada rakyat dan penduduk di negara ini.*



**PENUNTUT-PENUNTUT sekolah semasa mendengarkan Taklimat Kenegaraan Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan.**



**PROGRAM Jeryawara Kenali ASEAN bagi penuntut-penuntut sekolah di Negara Brunei Darussalam.**



**PROGRAM Perkampungan Sivik** memberikan peluang kepada para peserta menimba ilmu pengetahuan, pengalaman, berdaya saing dan berdikari untuk menjadi individu yang berjaya.



**PENGLIBATAN** warga Jabatan Penerangan dalam Sambutan Hari Kebangsaan Ke-33.



**PENYERTAAN** warga Jabatan Penerangan dalam Pesta Buku 2017 pada 26 Februari hingga 7 Mac 2017.



**SUASANA di Pusat Media semasa Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.**



**WARGA Jabatan Penerangan yang bertugas semasa Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman.**



**PROGRAM Awasi Anak Kitani** yang diadakan di beberapa buah kampung tingkatkan kesedaran ibu bapa mengenai pencegahan dan mengawal anak masing-masing daripada penyalahgunaan dadah dan isu-isu keselamatan dalam negara.



**PROGRAM Rakan Remaja Penerangan** yang diadakan di beberapa buah sekolah dihasrat untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya peka dengan perkembangan semasa serta menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja.

**Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini**

<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>NAMA KURSUS/BENGKEL / SEMINAR/TAKLIMAT</b>	<b>TARIKH</b>	<b>TEMPAT</b>
Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir	Pegawai Penerangan	Konsep KKC	7 Disember 2017	IPA
Awg Haji Ariffin bin Mohd. Noor/Morshidi	Penolong Pegawai Foto Tingkat I	Konsep KKC	7 Disember 2017	IPA
Dayang Siti Norasilah @Anisah binti Awang Asli	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	Konsep KKC	7 Disember 2017	IPA
Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Awang Ali Mashod	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	Konsep KKC	7 Disember 2017	IPA
Awang Muhammad Asri bin Haji Awang Abas	Jurugambar Tingkat I	Konsep KKC	7 Disember 2017	IPA
Awang Mohammad Hatral Hazmi bin Awang Abdul Hamid	Juruteknik Foto Tingkat I	Konsep KKC	7 Disember 2017	IPA
Dayang Sylvina Hon Zae Leena	Juruteknik Foto Tingkat II	Konsep KKC	7 Disember 2017	IPA
Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar	Penolong Pegawai Penerangan	ICS-100: Kursus Incident Command Sistem	11-12 Disember 2017	CAE Brunei Multi-Purpose Training Centre (CAE Brunei MPTC)
Ak. Haji Ahmad Fadhillah Akhbar bin Pg. Haji Sellahuddin	Penolong Pegawai Penerangan	OD-3204: Kumpulan Kerja Cemerlang “Team Based”	11-14 Disember 2017	IPA
Pg. Emran bin Pg. Haji Salleh	Pegawai Luar Penerangan	OD-3204: Kumpulan Kerja Cemerlang “Team Based”	11-14 Disember 2017	IPA
Awang Mohammad Arif bin Matali	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	OD-3204: Kumpulan Kerja Cemerlang “Team Based”	11-14 Disember 2017	IPA
Nordy bin Tabong	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	OD-3204: Kumpulan Kerja Cemerlang “Team Based”	11-14 Disember 2017	IPA
Mohammad Nor Amirudin bin Haji Brahim	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	OD-3204: Kumpulan Kerja Cemerlang “Team Based”	11-14 Disember 2017	IPA
Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar	Penolong Pegawai Penerangan	Latihan Mini Table Top Exercise Daerah Tutong	18-19 Disember 2017	Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong
Haji Mohd. Amalul Muttaqin bin Haji Ismail	Penolong Pegawai Penerangan	Latihan Mini Table Top Exercise Daerah Tutong	18-19 Disember 2017	Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

<http://www.penerangan.gov.bn>  
<http://www.information.gov.bn>  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>  
<http://infofoto.gov.bn>

*Media Social Penerangan:*



Like us on  
Facebook

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept\_bn

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.  
Tel : 2383400 Faks : 2382242**